







menghafalannya, tetapi mereka juga diajarkan kitab-kitab yang menjelaskan tentang Tajwid, Tafsir Al-Qur'an, Aqidah, Fiqh Ibadah, Fiqh Sirah, Akhlaq dan Bahasa Arab.

Untuk pengajian Tajwid, Maahad menggunakan buku Tajwid Al-Quran dan Abu Mardhiah, pengajian Tafsir Al-Qur'an menggunakan buku Tafsir Mashaf Uthman (Bahasa Melayu), pengajian Aqidah menggunakan buku Durus At-Tauhid, Juzu' Pertama dan Kedua, pengajian Fiqh Ibadah menggunakan buku Durus Al-Fiqh. Juzu' Pertama dan Kedua, pengajian Fiqh Sirah menggunakan buku Khalasah Nurul Yaqin, pengajian Akhlaq menggunakan buku Durus Al-Akhlaq Juzu' Pertama dan Kedua manakala Bahasa Arab menggunakan buku Al-Nahwu Al-Wadhih, Juzu' Pertama, Kedua dan Ketiga. Untuk subyek tambahan, Maahad menggunakan buku teks Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kerana materinya sudah ditetapkan untuk seluruh sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

Pembelajaran kitab-kitab tersebut langsung di ajarkan oleh Ustad-ustad yang sudah dibagikan sesuai kepakaran dalam bidang masing-masing. Contohnya kitab Khalasah Nurul Yaqin tentang Fiqh Sirah yang diajarkan oleh Ustad Ahmad Fauzi Migfaza yaitu pakar dalam bidang tersebut. Ini memudahkan pelajar memahami apa yang diajarkan jika tenaga pelajar tersebut sudah mahir dalam bidangnya. Pelajaran dimulai dengan kitab-kitab yang sederhana, kemudian dilanjutkan dengan kitab-kitab tentang berbagai ilmu yang lebih mendalam. Ciri-ciri kitab yang













